

**MALAYSIA**

**PERANGKAAN PERKHIDMATAN**  
*SERVICES STATISTICS*

**BANCI EKONOMI 2011**  
**SEKTOR PERKHIDMATAN**  
*ECONOMIC CENSUS 2011*  
*SERVICES SECTOR*



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*

**PUTRAJAYA**



## **KATA PENGANTAR**

Laporan ini memuatkan perangkaan bagi Sektor Perkhidmatan yang merangkumi aktiviti perkhidmatan Perdagangan Edaran; Pengangkutan dan Penyimpanan; Penginapan; Makanan dan Minuman; Maklumat dan Komunikasi; Perkhidmatan Kewangan; Perkhidmatan Perniagaan; Pendidikan; Kesihatan dan Kerja Sosial; Kesenian, Hiburan dan Rekreasi serta Perkhidmatan Lain. Maklumat yang disediakan adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data yang berkaitan dengan nilai pendapatan, perbelanjaan, bilangan pekerja dan gaji & upah diterbitkan dalam laporan ini. Data tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan pembangunan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan dan penyelidik.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian. Penemuan daripada hasil bancian dibentangkan di bahagian pertama laporan ini. Aspek teknikal seperti objektif, skop dan liputan serta konsep dan definisi yang digunakan dalam banci ini dimuatkan di bahagian kedua laporan. Jadual perangkaan terperinci berdasarkan subsektor perkhidmatan dipaparkan di bahagian ketiga bagi membolehkan pengguna membuat analisis.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang kepada laporan ini. Sebarang ulasan dan cadangan daripada pengguna untuk menambahbaik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

**DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN**

Ketua Perangkawan

Malaysia

**November 2012**

## **PREFACE**

*This report presents statistics on the Services Sector which encompasses broadly Distributive Trade; Transport and Storage; Accommodation; Food and Beverages; Information and Communication; Financial Services; Business Services; Education; Health and Social Work; Arts, Entertainment and Recreation as well as Other Services. The information provided here is gathered through the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010.*

*Data pertaining to revenue, expenditure, number of persons engaged, salaries & wages and value added are published in this report. These data are used for planning and policy formulation as well as for economic projection and analysis by the government and researchers.*

*This report consists of three parts. The summary findings obtained from the census are highlighted in the first part of the re-port. The second part focuses on the technical aspects including the objectives, scope and coverage as well as relevant concepts and definitions used in the census. Detailed statistical tables by broad services sub-sectors are included in the third part of the report to facilitate analysis by users.*

*I would like to express my appreciation to all parties concerned who have contributed towards this re-port. Comments and suggestions from users for improvement in future reports are greatly appreciated.*

**DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN**

*Chief Statistician*

*Malaysia*

**November 2012**

**KANDUNGAN**  
**CONTENT**

	<b>Muka surat</b> <i>Page</i>
<b>Kata pengantar</b> <i>Preface</i>	i
<b>Ringkasan penemuan</b> <i>Summary findings</i>	3
<b>Nota teknikal</b> <i>Technical notes</i>	19
<b>Jadual</b> <i>Table</i>	<b>Senarai jadual</b> <i>List of tables</i>
<b>1 Jadual 1 : Penunjuk utama mengikut subsektor perkhidmatan</b> <i>Table 1 : Key indicators by services sub-sector</i>	39
<b>2 Jadual 2 : Penunjuk utama subsektor perkhidmatan mengikut negeri</b> <i>Table 2 : Key indicators of services sub-sector by state</i>	40
<b>3 Jadual 3</b> <i>Table 3</i>	
<b>3.1 Bilangan pertubuhan mengikut subsektor perkhidmatan dan taraf sah</b> <i>Number of establishments by services sub-sector and legal organisation</i>	56
<b>3.2 Pendapatan mengikut subsektor perkhidmatan dan taraf sah</b> <i>Revenue by services sub-sector and legal organisation</i>	57
<b>3.3 Bilangan pekerja mengikut subsektor perkhidmatan dan taraf sah</b> <i>Total number of person engaged by services sub-sector and legal organisation</i>	58
<b>4 Jadual 4</b> <i>Table 4</i>	
<b>4.1 Bilangan pertubuhan mengikut subsektor perkhidmatan dan saiz pendapatan</b> <i>Number of establishments by services sub-sector and revenue size</i>	59

	<b>Muka surat</b> <i>Page</i>
<b>4.2 Pendapatan mengikut subsektor perkhidmatan dan saiz pendapatan</b> <i>Revenue by services sub-sector and revenue size</i>	59
<b>4.3 Bilangan pekerja mengikut subsektor perkhidmatan dan saiz pendapatan</b> <i>Total number of persons engaged by services sub-sector and revenue size</i>	60
<b>5 Jadual 5</b> <i>Table 5</i>	
<b>5.1 Bilangan pertubuhan mengikut subsektor perkhidmatan dan saiz pekerja</b> <i>Number of establishments by services sub-sector and employment size</i>	61
<b>5.2 Pendapatan mengikut subsektor perkhidmatan dan saiz pekerja</b> <i>Revenue by services sub-sector and employment size</i>	61
<b>5.3 Bilangan pekerja mengikut subsektor perkhidmatan dan saiz pekerja</b> <i>Total number of persons engaged by services sub-sector and employment size</i>	62
<b>6 Jadual 6 : Purata dan nisbah terpilih mengikut subsektor</b> <i>Table 6 : Selected averages and ratio by sub-sectors</i>	63
<b>Lampiran</b> <i>Appendix</i>	
<b>Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0</b> <i>Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0</i>	67



**RINGKASAN PENEMUAN**  
*SUMMARY FINDINGS*



**SEKTOR PERKHIDMATAN**  
*SERVICES SECTOR*





## SEKTOR PERKHIDMATAN

## 1. PENDAHULUAN

Laporan ini membentangkan perangkaan bagi sektor perkhidmatan yang pertama kali diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Ia merupakan rangkuman daripada penerbitan perangkaan perkhidmatan mengikut subsektor yang telah diterbitkan sebelum ini yang bertujuan sebagai satu sumber maklumat statistik berkaitan keseluruhan aktiviti perkhidmatan utama. Data yang dikumpul adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010. Penunjuk utama bagi sektor perkhidmatan adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:

**Jadual 1.1: Penunjuk utama sektor perkhidmatan, 2010**

Pertubuhan (bilangan)	591,137
Pendapatan (RM juta)	1,291,440
Perbelanjaan (RM juta)	1,017,643
Bilangan pekerja (bilangan)	3,687,787
Gaji & upah (RM juta)	77,728

## 2. PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN


Sejumlah 591,137 **pertubuhan** telah beroperasi di dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2010. Subsektor Perdagangan Edaran mempunyai bilangan tertinggi sebanyak 295,431 pertubuhan atau 50.0 peratus, diikuti oleh Makanan dan Minuman, dengan 145,320 pertubuhan atau 24.6 peratus dan Pengangkutan dan Penyimpanan, 40,599 pertubuhan atau 6.9 peratus. Carta 2.1 menunjukkan peratus taburan bilangan pertubuhan sektor perkhidmatan mengikut subsektor.

**Pendapatan** yang dijana oleh sektor perkhidmatan pada tahun 2010 berjumlah RM1,291.4 bilion yang dipacu oleh Perdagangan Edaran sebanyak RM687.3 bilion atau 53.2 peratus. Ini diikuti oleh Perkhidmatan Kewangan sebanyak RM270.1 bilion atau 20.9 peratus dan Maklumat dan Komunikasi, RM85.4 bilion atau 6.6 peratus.

**Nota:**


Subsektor Perdagangan Edaran bagi tahun rujukan 2010 telah dianggarkan menggunakan data daripada Banci Perdagangan Edaran yang dilaksanakan pada tahun 2009 bagi tahun rujukan 2008. Anggaran dibuat dengan menggunakan kadar pertumbuhan tahunan purata yang diperolehi daripada data Perdagangan Edaran Bulanan bagi tempoh 2008 hingga 2010.

**Carta 2.1: Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut subsektor perkhidmatan, 2010**



**Perbelanjaan** yang ditanggung pada tahun 2010 berjumlah RM1,017.6 bilion. Antara subsektor perkhidmatan, Perdagangan Eedaran mencatatkan RM616.0 bilion atau 60.5 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan Kewangan, RM148.3 bilion atau 14.6 peratus dan Pengangkutan dan Penyimpanan, RM68.1 bilion atau 6.7 peratus (Carta 2.2).

**Carta 2.2: Peratus taburan pendapatan dan perbelanjaan mengikut subsektor perkhidmatan, 2010**



**Nota:**

\*Perkhidmatan Lain merujuk kepada aktiviti keahlian organisasi, pembaikan komputer dan barangan persendirian dan isi rumah dan pelbagai aktiviti perkhidmatan persendirian lain.


**Bilangan pekerja** di dalam sektor perkhidmatan adalah seramai 3,687,787 orang, di mana 82.7 peratus atau 3,050,461 orang adalah merupakan pekerja bergaji. Subsektor Perdagangan Eedaran mencatatkan bilangan pekerja tertinggi seramai 1,537,616 orang atau 41.7 peratus, manakala subsektor Kesenian, Hiburan dan Rekreasi mempunyai bilangan terendah sebanyak 43,400 orang atau 1.2 peratus.

**Gaji & upah** yang telah dibayar dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2010 adalah sebanyak RM77.7 bilion, di mana subsektor Perdagangan Eedaran merupakan pembayar tertinggi dengan nilai sebanyak RM26.0 bilion atau 33.5 peratus. Ini diikuti oleh Perkhidmatan Kewangan dan Pengangkutan dan Penyimpanan dengan masing-masing mencatatkan nilai sebanyak RM14.4 bilion (18.5 peratus) dan RM9.0 bilion (11.6 peratus).

### 3. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Selangor mempunyai bilangan pertubuhan yang tertinggi di dalam sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 57,089 pertubuhan atau 19.7 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Johor dengan masing-masing mencatatkan sebanyak 38,379 pertubuhan (13.2 peratus) dan 31,113 pertubuhan (10.7 peratus). Carta 3.1 di bawah menggambarkan peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut negeri pada tahun 2010.

**Carta 3.1: Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut negeri, 2010**




**Nota:**

Prestasi mengikut negeri tidak termasuk subsektor Perdagangan Eedaran dan Perkhidmatan Kewangan.

\* Negeri-negeri lain adalah merujuk kepada Melaka, Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya.

Dari segi pendapatan dan perbelanjaan, W.P. Kuala Lumpur merupakan penyumbang tertinggi dengan masing-masing menyumbang sebanyak 40.5 peratus dan 37.4 peratus. Ini diikuti oleh Selangor dengan 31.3 peratus dan 32.4 peratus (Carta 3.2). Peratus sumbangan pendapatan bagi W.P. Kuala Lumpur telah dipacu oleh perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi sebanyak 45.8 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan Perniagaan sebanyak 22.1 peratus dan Pengangkutan dan Penyimpanan sebanyak 14.4 peratus.

**Carta 3.2: Peratus taburan pendapatan dan perbelanjaan mengikut negeri, 2010**



Selangor mempunyai peratusan tertinggi di dalam bilangan pekerja sebanyak 27.2 peratus. Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur sebanyak 21.0 peratus dan Johor sebanyak 8.9 peratus. Seiring dengan bilangan pekerja, pertubuhan di Selangor turut merupakan yang tertinggi dari segi pembayaran gaji dan upah, sebanyak 35.9 peratus, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Johor dengan masing-masing sebanyak 30.6 peratus dan 6.7 peratus.


**Nota:**

\*Negeri-Negeri lain merujuk kepada Terengganu, Kelantan, Perlis, W.P. Putrajaya dan W.P. Labuan.

4. PRESTASI MENGIKUT NISBAH


Nisbah **Input-Output** bagi sektor perkhidmatan adalah sebanyak 0.4. Perkhidmatan Kewangan dan Pendidikan adalah yang terendah sebanyak 0.3. Sementara itu, subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan; Makanan dan Minuman; dan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi mempunyai nisbah input-output tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 0.6 seperti yang ditunjukkan di carta 4.1.

**Carta 4.1: Nisbah Input-Output bagi subsektor perkhidmatan , 2010**



Nisbah **Pendapatan-Perbelanjaan** bagi sektor perkhidmatan adalah sebanyak 1.3 pada tahun 2010. Perkhidmatan Kewangan mempunyai nisbah pendapatan-perbelanjaan tertinggi antara keseluruhan sektor perkhidmatan iaitu 1.8, diikuti oleh Maklumat dan Komunikasi dan Perkhidmatan Lain dengan masing-masing sebanyak 1.6 dan 1.4. Perdagangan Edaran mempamerkan nisbah pendapatan-perbelanjaan yang terendah sebanyak 1.1 (Carta 4.2).

**Carta 4.2: Nisbah pendapatan-perbelanjaan bagi subsektor perkhidmatan, 2010**



**Purata Gaji Tahunan per Pekerja** adalah sebanyak RM25,481 pada tahun 2010. Antara subsektor perkhidmatan, pekerja yang bekerja dalam Perkhidmatan Kewangan adalah yang tertinggi menerima bayaran purata gaji tahunan sebanyak RM58,591, manakala purata gaji tahunan per pekerja terendah telah direkodkan oleh perkhidmatan Makanan dan Minuman sebanyak RM10,752 (Jadual 4.1).

**Jadual 4.1: Purata gaji tahunan per pekerja bagi subsektor perkhidmatan, 2010**

Subsektor	Pekerja bergaji	Gaji & upah dibayar (RM ribu)	Purata gaji setahun diterima setiap pekerja (RM)
Perkhidmatan Kewangan	245,780	14,400,382	58,591
Maklumat dan Komunikasi	131,097	6,391,430	48,753
Pengangkutan dan Penyimpanan	276,374	9,048,511	32,740
Pendidikan	101,742	3,165,553	31,114
Perkhidmatan Perniagaan	307,507	7,902,167	25,698
Kesihatan dan Kerja Sosial	81,795	2,084,584	25,485
Perdagangan Edaran	1,223,198	26,039,854	21,288
Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	36,986	775,632	20,971
Penginapan	108,538	1,934,059	17,819
Perkhidmatan Lain	69,176	950,597	13,742
Makanan dan Minuman	468,268	5,034,890	10,752
<b>Jumlah</b>	<b>3,050,461</b>	<b>77,727,659</b>	<b>25,481</b>

## 5. PRESTASI MENGIKUT SAIZ

### 5.1 Saiz Pekerja

Pertubuhan yang mempunyai kurang daripada 5 orang pekerja merupakan bilangan yang tertinggi di dalam sektor perkhidmatan sebanyak 67.9 peratus pada tahun 2010. Sementara itu, pertubuhan yang mempunyai lebih daripada 100 orang pekerja dan ke atas mempunyai sumbangan yang terendah dari segi bilangan pertubuhan iaitu hanya 0.4 peratus. Walau bagaimanapun, kategori tersebut merupakan penyumbang terbesar dari segi pendapatan dan bilangan pekerja dengan masing-masing sebanyak 53.8 peratus dan 32.4 peratus (Jadual 5.1).

**Jadual 5.1: Bilangan pertubuhan, pendapatan dan bilangan pekerja mengikut saiz pekerja, 2010**

Saiz Pekerja	Pertubuhan (Bilangan)	Pendapatan (RM ribu)	Pekerja (Bilangan)
< 5 orang	200,929	61,366,047	436,495
5 - 19 orang	83,576	87,541,658	658,932
20 - 50 orang	7,667	43,293,976	226,598
51 - 99 orang	2,220	86,874,611	132,504
> 100 orang	1,314	325,020,970	695,642

## 5.2 Saiz Pendapatan

Pertubuhan yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM200 ribu membentuk majoriti dari segi sumbangan kepada bilangan pertubuhan di dalam sektor perkhidmatan dengan 65.1 peratus pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, sumbangan mereka terhadap pendapatan adalah yang terendah sebanyak 2.5 peratus. Sebagai tambahan, pertubuhan yang mempunyai saiz pendapatan lebih daripada RM5 juta ke atas mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 85.6 peratus terhadap jumlah pendapatan (Jadual 5.2).

**Jadual 5.2: Bilangan pertubuhan, pendapatan dan bilangan pekerja mengikut saiz pendapatan, 2010**

Saiz Pendapatan (RM ribu)	Pertubuhan (Bilangan)	Pendapatan (RM ribu)	Pekerja (Bilangan)
< 200	192,448	14,852,653	486,120
200 - < 1,000	78,731	33,679,709	527,869
1,000 - 5,000	18,434	38,362,342	324,884
> 5,000	6,093	517,202,560	811,298

## SERVICES SECTOR

### 1. INTRODUCTION

This report presents statistics on the services sector which is published for the first time by the Department of Statistics, Malaysia. It is a compilation of services statistics for each sub-sector which had been published before for the purpose of providing a source of statistical information on overall service activities. Data compiled are collected based on the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010. Key indicators of the services sector are shown below:

**Table 1.1: Key indicators of the services sector, 2010**

Establishments (number)	591,137
Revenue (RM million)	1,291,440
Expenditure (RM million)	1,017,643
Total Employment (number)	3,687,787
Salaries & wages (RM million)	77,728

### 2. PERFORMANCE OF THE SERVICES SECTOR

A total of 591,137 **establishments** were operating in the services sector in 2010. The Distributive Trade sub-sector had the highest number of establishments, with 295,431 establishments or 50.0 per cent, followed by Food and Beverages, 145,320 establishments or 24.6 per cent and Transport and Storage, 40,599 establishments or 6.9 per cent. Chart 2.1 shows the percentage distribution of number of establishments by services sub-sectors.


**Revenue** generated by the services sector in 2010 was RM1,291.4 billion driven by the Distributive Trade with RM687.3 billion or 53.2 per cent. This was followed by Financial Services with RM270.1 billion or 20.9 per cent and Information and Communication, RM85.4 billion or 6.6 per cent.

#### **Notation:**

Distributive Trade sub-sectors for reference year 2010 were estimated using data from the Census of Distributive Trade undertaken in 2009 for reference year 2008. The estimation was done by using compounding annual growth rate from Monthly Distributive Trade data for year 2008 to 2010.




**Chart 2.1: Percentage distribution of number of establishments by services sub-sectors, 2010**



**Expenditure** incurred in 2010 was RM1,017.6 billion. Among the services sub-sectors, Distributive Trade registered RM616.0 billion or 60.5 per cent, followed by Financial Services, RM148.3 billion or 14.6 per cent and Transport and Storage, RM68.1 billion or 6.7 per cent (Chart 2.2).

**Chart 2.2: Percentage distribution of revenue and expenditure by services sub-sectors, 2010**



**Notation:**

\*Other Services refer to activities of membership organisations, repair of computer and personal and household goods and a variety of other personal service activities.


**Total number of persons engaged** in the services sector was 3,687,787 persons, of which 82.7 per cent or 3,050,461 persons were paid employees. Distributive Trade sub-sector employed the highest with 1,537,616 persons or 41.7 per cent, while the Arts, Entertainment and Recreation sub-sector employed the lowest, with 43,400 persons or 1.2 per cent.

**Salaries & wages** disbursed in the services sector was RM77.7 billion in 2010, of which Distributive Trade sub-sector paid the most with RM26.0 billion or 33.5 per cent. This was followed by Financial Services and Transport and Storage which registered RM14.4 billion (18.5 per cent) and RM9.0 billion (11.6 per cent) respectively.

### 3. PERFORMANCE BY STATE

Selangor had the highest number of establishments operating in the services sector, with 57,089 establishments or 19.7 per cent. This was followed by W.P. Kuala Lumpur and Johor which accounted for 38,379 establishments (13.2 per cent) and 31,113 establishments (10.7 per cent) respectively. Chart 3.1 illustrates the percentage distribution of number of establishments by state in 2010.

**Chart 3.1: Percentage distribution of number of establishments by state, 2010**




**Notation:**

Performance by state were excluding Distributive Trade and Financial Services sub-sector.

\*Other states refer to Melaka, Perlis, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya.

In terms of revenue and expenditure, W.P. Kuala Lumpur was the most significant contributor accounting for 40.5 per cent and 37.4 per cent respectively. This was followed by Selangor with 31.3 per cent of revenue and expenditure 32.4 per cent (Chart 3.2). Percentage contribution of revenue for W.P. Kuala Lumpur was led by Information and Communication services with 45.8 per cent, followed by Business Services with 22.1 per cent and Transport and Storage with 14.4 per cent.

**Chart 3.2: Percentage distribution of revenue and expenditure by state, 2010**



Selangor had the highest percentage in terms of number of persons engaged with 27.2 per cent. This was followed by W.P. Kuala Lumpur with 21.0 per cent and Johor 8.9 per cent. Correspondingly, establishments in Selangor also paid the highest in terms of salaries and wages, with 35.9 per cent, followed by W.P. Kuala Lumpur and Johor with 30.6 per cent and 6.7 per cent respectively.


**Notation:**

\*Other states refer to Terengganu, Kelantan, Perlis, W.P. Putrajaya and W.P. Labuan.

4. KEY PERFORMANCE RATIOS


**Input-Output** ratio of the services sector was 0.4. Financial Services and Education sub-sectors were the lowest with 0.3. Meanwhile, Transport and Storage, Food and Beverages; and Arts, Entertainment and Recreation sub-sectors had the highest input-output ratio with 0.6 each as shown in chart 4.1.

Chart 4.1: Input-Output ratios of services sub-sectors, 2010



**Revenue-Expenditure** ratio of the services sector was 1.3 in 2010. Among the services sector, Financial Services had the highest revenue-expenditure ratio with 1.8, followed by Information and Communication and Other Services with 1.6 and 1.4 respectively. Distributive Trade had the lowest revenue-expenditure ratio with 1.1 (Chart 4.2).

Chart 4.2: Revenue-Expenditure ratios of services sub-sectors, 2010



**Average Annual Salary per Employee** was RM25,481 in 2010. Among the services sub-sector, employees working in Financial Services were the highest paid, receiving an average annual salary of RM58,591 while the lowest average annual salary per employee was recorded by the Food and Beverages services with RM10,752 (Table 4.1).

**Table 4.1: Average annual salary per employee of services sub-sectors, 2010**

Sub-sector	Paid Employees	Salaries & wages paid (RM thousand)	Average annual salary per employee (RM)
Financial Services	245,780	14,400,382	58,591
Information and Communication	131,097	6,391,430	48,753
Transport and Storage	276,374	9,048,511	32,740
Education	101,742	3,165,553	31,114
Business Services	307,507	7,902,167	25,698
Health and Social Work	81,795	2,084,584	25,485
Distributive Trade	1,223,198	26,039,854	21,288
Arts, Entertainment and Recreation	36,986	775,632	20,971
Accommodation	108,538	1,934,059	17,819
Other Services	69,176	950,597	13,742
Food and Beverages	468,268	5,034,890	10,752
<b>Total</b>	<b>3,050,461</b>	<b>77,727,659</b>	<b>25,481</b>

## 5. PERFORMANCE BY SIZE

### 5.1 Employment Size

Establishments engaging less than 5 persons were the highest number in the services sector with 67.9 per cent in 2010. Meanwhile, establishments with more than 100 persons and above had the lowest contribution towards the number of establishments with only 0.4 per cent. However, they accounted the majority contribution of revenue and total employment with 53.8 per cent and 32.4 per cent respectively (Table 5.1).

**Table 5.1: Establishments, revenue and total employment by employment size, 2010**

<b>Employment Size</b>	<b>Establishments (Number)</b>	<b>Revenue (RM thousand)</b>	<b>Total Employment (Number)</b>
<b>&lt; 5 persons</b>	200,929	61,366,047	436,495
<b>5 - 19 persons</b>	83,576	87,541,658	658,932
<b>20 - 50 persons</b>	7,667	43,293,976	226,598
<b>51 - 99 persons</b>	2,220	86,874,611	132,504
<b>&gt; 100 persons</b>	1,314	325,020,970	695,642

## 5.2 Revenue Size

Establishments with less than RM200 thousand in revenue formed the majority in term of contribution towards the establishments in the services sector with 65.1 per cent in 2010. However, their contribution to the revenue was the lowest with 2.5 per cent. In addition, establishments with revenue size RM5 million and above recorded the highest contribution of 85.6 per cent to the total revenue (Table 5.2).

**Table 5.2: Establishments, revenue and total employment by revenue size, 2010**

<b>Revenue Size (RM thousand)</b>	<b>Establishments (Number)</b>	<b>Revenue (RM thousand)</b>	<b>Total Employment (Number)</b>
<b>&lt; 200</b>	192,448	14,852,653	486,120
<b>200 - &lt; 1,000</b>	78,731	33,679,709	527,869
<b>1,000 - 5,000</b>	18,434	38,362,342	324,884
<b>&gt; 5,000</b>	6,093	517,202,560	811,298



**NOTA TEKNIKAL**  
*TECHNICAL NOTES*



**SEKTOR PERKHIDMATAN**  
*SERVICES SECTOR*





- Pendahuluan** Laporan ini membekalkan maklumat sektor perkhidmatan bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011. Di dalam laporan ini tiada pecahan data di peringkat negeri bagi Perkhidmatan Kewangan dan Perdagangan Edaran. Hanya data agregat di peringkat Malaysia sahaja diterbitkan.
- Kuasa perundangan** Banci ini dilaksanakan di bawah **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah **sulit** dan hanya angka agregat diterbitkan.
- Skop & liputan** Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam sektor perkhidmatan. Sumber maklumat utama rangka pertubuhan diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain daripada SSM, maklumat rangka banci juga dikemas kini daripada sumber seperti Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), pelbagai persatuan perniagaan dan perdagangan, iklan surat khabar dan laman web. Rangka dikemas kini setiap tahun untuk mengambil kira pertubuhan baru dan merekodkan sebarang perubahan status yang berlaku kepada pertubuhan seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti, lokasi kilang atau alamat pos.
- Metodologi** Banci ini dilaksanakan secara mel dengan menggunakan borang soal selidik. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkapkan dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Selepas tempoh tersebut, kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertubuhan yang tidak memberi jawapan.
- Banci dilaksanakan secara *'area listing'* bagi aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman. Maklumat yang diperlukan dipungut melalui penghitungan luar. Responden ditemuramah secara terus oleh pegawai luar yang terlibat.
- Unit melapor** Banci ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan **pertubuhan**. Pertubuhan ditakrifkan sebagai **“satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah. Ia menjalankan satu jenis aktiviti ekonomi utama di satu tempat/lokasi fizikal”**. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berbeza berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi biasanya disediakan secara berpusat yang sukar untuk diasingkan mengikut unit atau cawangan. Entiti atau enterpris berkenaan dianggap sebagai satu pertubuhan dan dibenarkan menghantar satu borang soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangan.

<b>Tahun banci</b>	Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.
<b>Tahun rujukan</b>	Tahun rujukan bagi banci ini ialah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun perakaunan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.
<b>Jenis aktiviti perniagaan</b>	Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Aktiviti sekunder adalah sampingan atau sokongan kepada aktiviti utama. Klasifikasi industri pertubuhan dibuat berdasarkan aktiviti utama dan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008. MSIC 2008 yang diguna pakai adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.
<b>Konsep dan definisi</b>	<p>Definisi yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 ver. 1.0. Definisi tersebut adalah termasuk aktiviti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Perkhidmatan Perdagangan Edaran ditakrifkan sebagai:</b> Perkhidmatan Perdagangan Edaran merujuk kepada Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor merujuk kepada aktiviti “penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baru dan barangan yang telah digunakan”. Perdagangan Borong merujuk kepada aktiviti penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baru dan terpakai kepada peruncit, pengguna perindustrian, perdagangan, institusi atau profesional; atau kepada pemborong lain; atau bertindak sebagai agen atau broker dalam pembelian barang dagangan, atau menjual barang dagangan kepada orang atau syarikat berkenaan. Perdagangan Runcit merujuk kepada penjualan semula (tanpa</li> </ol>

pengubahsuaian) barang baru dan terpakai kepada orang awam untuk kegunaan persendirian atau isi rumah. Kenderaan Bermotor merujuk kepada jualan secara borong dan runcit kenderaan bermotor dan motorsikal, sama ada baru atau terpakai, jualan alat-alat ganti dan aksesori kenderaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal termasuk mencuci, mengilap dan menunda kenderaan serta jualan oleh agen berkomsen.

**ii. Pengangkutan dan penyimpanan ditakrifkan sebagai:**

Pengangkutan dan penyimpanan merujuk kepada penyediaan bagi pengangkutan penumpang atau muatan, sama ada berjadual atau tidak, melalui rel, saluran paip, jalan raya, air atau udara dan aktiviti yang berhubungkait seperti kemudahan terminal, pengendalian kargo, penyimpanan dan lain-lain. Termasuk juga penyewaan kelengkapan pengangkutan dengan pemandu atau operator dan juga perkhidmatan pos dan kurier.

**iii. Perkhidmatan penginapan ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan penginapan merujuk kepada penginapan jangka pendek untuk pelawat dan pelancong. Perkhidmatan penginapan meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan penginapan yang merangkumi hotel (termasuk resort), hotel bajet, pangsapuri khidmat, chalet, rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast, tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi, taman treler dan jenis penginapan yang lain.

**iv. Perkhidmatan makanan dan minuman ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan makanan dan minuman merujuk kepada penyediaan hidangan makanan dan minuman untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal dengan atau tiada kemudahan tempat duduk. Hidangan yang dibekalkan untuk penggunaan segera adalah faktor yang diambil kira bukannya jenis kemudahan untuk menyediakan hidangan tersebut.

**v. Perkhidmatan maklumat dan komunikasi ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi merujuk kepada penyediaan produksi dan pengedaran maklumat dan produk kebudayaan serta peruntukan untuk menghantar atau mengedar produk tersebut seperti data atau komunikasi, aktiviti teknologi maklumat dan prosesan data dan aktiviti perkhidmatan maklumat yang lain. Termasuk dalam perkhidmatan ini ialah aktiviti penerbitan, wayang gambar, pengeluaran video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik, pemrograman dan penyiaran, telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan dan aktiviti

perkhidmatan maklumat.

**vi. Perkhidmatan kewangan ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan kewangan termasuk semua unit yang terlibat dalam aktiviti pengantaraan kewangan iaitu untuk mendapatkan dan pengagihan dana, dalam bentuk deposit oleh Bank Pusat dan institusi kewangan lain. Ia juga termasuk semua unit yang terlibat dalam dana insurans dan pencen dan juga aktiviti-aktiviti sokongan lain kepada pengantaraan kewangan.

**vii. Perkhidmatan perniagaan ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan perniagaan merujuk kepada semua aktiviti yang merangkumi perkhidmatan hartanah, perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal dan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan. Perkhidmatan ini termasuk aktiviti seperti pemberi pajak, agen dan/atau broker di dalam satu atau lebih daripada penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah atau bertindak sebagai agen hartanah eskrow, guaman, aktiviti perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek dan kejuruteraan, ujian teknikal dan analisis, penyelidikan dan pembangunan saintifik, pengiklanan dan penyelidikan pasaran, aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain, aktiviti veterinar, sewaan dan pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan, aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan dan penyiasatan, aktiviti perkhidmatan kepada bangunan dan lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat dan perniagaan lain.

**viii. Perkhidmatan pendidikan ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan pendidikan termasuk pendidikan pada mana-mana peringkat atau untuk mana-mana profesion, secara lisan atau penulisan dan juga melalui siaran radio dan televisyen atau saluran komunikasi lain yang bersamaan dengannya. Ia termasuk sistem persekolahan biasa pelbagai peringkat yang dilaksanakan oleh institusi yang berlainan dan juga pendidikan dewasa, program literasi dan lain-lain. Ia termasuk pendidikan pra-sekolah & rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan pendidikan lain.

**ix. Perkhidmatan kesihatan dan kerja sosial ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan kesihatan dan kerja sosial merujuk aktiviti bermula daripada penjagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional perubatan terlatih di hospital dan kemudahan lain sehinggalah kepada aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti penjagaan kesihatan kepada kerja sosial tanpa penglibatan profesional dalam penjagaan kesihatan. Ini termasuk aktiviti hospital, aktiviti amalan

perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan.

**x. Perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan rekreasi.

**xi. Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti ditakrifkan sebagai:**

Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti termasuk aktiviti keahlian organisasi, membaiki komputer dan barangan persendirian dan isi rumah dan pelbagai aktiviti perkhidmatan persendirian lain yang tidak diliputi di dalam mana-mana klasifikasi Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia.

**Taraf sah**

Taraf sah organisasi sesebuah pertubuhan ditakrifkan seperti berikut:

**i. Hak milik perseorangan**

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki oleh orang perseorangan dan dijalankan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Pemilik mempunyai hak mutlak untuk mengendalikan urusan pertubuhannya.

**ii. Perkongsian**

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju untuk mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mendapat keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh semua atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

**iii. Syarikat sendirian berhad**

Merujuk kepada sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat. Ia didaftarkan dengan tanggungan berhad. Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai Memorandum dan Artikel Persatuan sendiri, yang antara lain:

- a) Menghadkan hak untuk memindahkan sahamnya;
- b) Menghadkan bilangan pemegang sahamnya di antara dua hingga lima puluh orang (tidak termasuk pekerja syarikat itu dan bekas pekerja yang

masih menjadi ahli);

- c) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai untuk membeli apa-apa saham atau debentur syarikat itu; dan
- d) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai supaya menyimpan wang di syarikat itu bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan ataupun untuk dibayar bila dituntut, sama ada dengan faedah atau tidak.

**iv. Syarikat awam berhad**

Syarikat awam berhad juga merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan, dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas. Syarikat tersebut dianggap sebagai entiti yang sah dan ditubuhkan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan.

**v. Koperasi**

Ia merujuk kepada sesebuah persatuan sukarela yang bilangan ahlinya tidak terhad dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahlinya.

**vi. Perbadanan awam**

Ia merujuk kepada sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

**vii. Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan**

Ia merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperoleh dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

**viii. Lain-lain**

Ia merujuk kepada semua pertubuhan lain yang tidak termasuk di mana-mana kategori yang tersebut di atas.

- Struktur hak milik** Hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/ pemilik-pemilik modal berbayar terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah 'Hak Milik Bersama'.
- Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan dan perbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai residen Malaysia.
- Bukan residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara lain selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negara dianggap sebagai bukan residen Malaysia.
- Nilai harta tetap** Harta tetap meliputi semua barangan, baru atau terpakai, ketara atau tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ia termasuk tanah, bangunan dan struktur, alat pengangkutan, komputer dan peralatan periferal, perisian komputer, peralatan mesin dan lain-lain, serta perabot dan pemasangan lain. Nilai harta pembuka dan penutup bagi tahun rujukan 2010 adalah berasaskan nilai buku akaun. Pembelian, pindaan dan pembaikan besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai sebenar yang dibayar. Nilai aset yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.
- Jumlah pekerja** Jumlah pekerja meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan **Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir** bagi tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:
- i. **Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif**  
Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga, sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam pertubuhan. Justeru itu, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.
  - ii. **Pekerja keluarga tidak bergaji**  
Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara tetap sama ada dalam bentuk wang tunai atau mata benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat

makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak di dalam pertubuhan itu.

**iii. Pekerja sepenuh masa**

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan.

**iv. Pekerja sambilan**

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada 6 jam sehari dan /atau kurang daripada 20 hari sebulan.

**Gaji & upah**

Gaji & upah yang dibayar merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk yang dibayar bonus, komisen, bayaran lebih masa, elaun kos sara hidup dan elaun-elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh tahun rujukan. Sementara caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, manakala caruman oleh majikan **dikecualikan**. **Elaun** kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga **dikecualikan**.

**Pendapatan**

Pendapatan merujuk kepada penerimaan yang diterima atau pendapatan yang diperoleh daripada perkhidmatan yang diberikan dan lain-lain transaksi yang dibuat semasa tahun rujukan. Ia terdiri daripada pendapatan operasi dan bukan operasi. Ia hanya berasaskan kepada Penyata Kira-kira Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun rujukan tersebut.

**Perbelanjaan**

Perbelanjaan merujuk kepada amaun yang dibayar dan perlu dibayar bagi pembelian barangan dan perkhidmatan pada tahun rujukan kecuali perbelanjaan modal. Ia terdiri daripada perbelanjaan operasi dan bukan operasi.

**Nilai output kasar**

Nilai output kasar **perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

- Pendapatan daripada perkhidmatan yang diberikan
- + Nilai jualan barangan yang dibeli untuk dijual semula
- + Perkhidmatan pengurusan
- + Komisen dan pembrokeran yang diterima
- + Yuran yang diterima daripada keahlian
- + Pendapatan daripada sewa yang diterima kecuali tanah
- + Pendapatan operasi lain



- + Cukai perkhidmatan dan caj perkhidmatan
- Nilai barang yang dibeli untuk dijual semula dalam keadaan sama seperti dibeli
- + Stok akhir
- Stok awal

**Nilai input perantaraan** Nilai input perantaraan **perkhidmatan** ditakrifkan dengan memasukkan unsur berikut:

- Pembelian barangan, bahan dan perkhidmatan
- + Premium insurans
- + Royalti dan yuran paten
- + Caj bank
- + Pembelian elektrik dan air
- + Pembelian bahan pembakar, pelincir dan gas
- + Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan
- + Perbelanjaan pematuhan alam sekitar
- + Perbelanjaan operasi lain

**Nilai Ditambah** Nilai ditambah adalah tambahan kepada nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesebuah pertubuhan. Nilai ditambah diperoleh daripada perbezaan antara nilai output kasar dengan nilai input perantaraan.

**Pampasan pekerja** Pampasan pekerja perkhidmatan ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

- Gaji dan upah dibayar
- + bayaran berbentuk manfaat kepada pekerja
- + Bayaran pampasan, persaraan / pemberhentian kepada pekerja
- + Caruman majikan kepada kumpulan wang simpanan, skim keselamatan sosial, pencen dan kebajikan

**Pembundaran** Penjumlahan dan campuran komponen-komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar di dalam jadual-jadual dalam penerbitan ini disebabkan pembundaran angka.

**Huruf ringkas** Huruf ringkas berikut telah digunakan di dalam keseluruhan penerbitan:

- tiada
- RM Ringgit Malaysia
- t.t.t.l tidak terkelas di tempat lain

- Introduction** *This report provides information on the services sector for the year 2010. The data were collected and compiled from the Economic Census conducted in 2011. There is no breakdown of data at state level for Financial Services and Distributive Trade in this report. Only aggregated data at Malaysia level are published*
